

# Helah Israel guna senjata terhadap Islam

U.M. 29 JUL 1993

KUALA LUMPUR 28 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan serangan Israel ke atas zon keselamatan di selatan Lebanon sebagai satu tindakan untuk mencari alasan bagi menggunakan senjata ke atas rakyat Islam.

Kata beliau, tindakan Israel membedil kampung-kampung orang Islam yang terdiri daripada rakyat Palestin di kawasan tersebut seharusnya tidak berlaku.

"Israel tidak boleh gunakan senjata. Mereka sengaja mencari alasan untuk menggunakan senjata seperti kapal terbang dalam intifada," kata beliau kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat di pejabatnya di sini, petang ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai bedilan Israel ke atas zon keselamatan di selatan Lebanon selama empat hari berturut-turut sehingga memusnahkan kampung-kampung orang Islam di kawasan berbukit itu.

Lebih 3,000 tembakan meriam dan roket dipercayai telah dilepaskan ke arah Lebanon sejak "Operasi Mengajar" bermula pagi Ahad lalu.

Yasser tiba di sini, pagi ini dalam rangka lawatan ke negara ini selama tiga hari atas jemputan Dr. Mahathir.

Mengenai hasil perbincangan dengan Yasser, Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah mengesyorkan supaya perundingan damai Asia Barat mengenai Palestin

diteruskan dengan memberi penekanan kepada asas-asas yang adil sebagaimana terkandung dalam resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kata beliau, Malaysia juga sekali lagi telah memberi jaminan kepada Palestin untuk terus menyokong perjuangan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) mendapatkan wilayah-wilayah yang dirampas oleh Israel.

"Cadangan Malaysia ialah supaya rundingan damai diteruskan dengan asas-asas yang adil kepada Palestin," katanya.

## Cadangan

Perdana Menteri memberitahu, pemimpin PLO dalam pertemuan itu ada menyatakan sebab mengapa pihaknya tidak dapat meneruskan penyertaan mereka dalam perundingan berkenaan.

"Yasser menyatakan bahawa cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Israel tidak selaras dengan resolusi PBB yang menetapkan supaya pengunduran Israel daripada wilayah-wilayah Palestin," katanya.

Malaysia menerima dan menyokong pendirian Palestin tersebut, tambah beliau.

Terdahulu dari itu, Yasser yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang telah disambut oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abu Hassan Omar dan Timbalan Menteri Luar, Dato' Dr. Fadzil Che Wan.